

# Academy of Language Studies

## UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023

# e-Lingua

3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh



# Program 'International Bridging of Academic Collaboration: SULAM-PKM by UiTM Malaysia and UNTAN, Indonesia'

24 Jun 2023 - Program 'International Bridging of Academic Collaboration: SULAM-PKM by UiTM Malaysia and UNTAN, Indonesia' adalah sebuah program khidmat masyarakat antarabangsa yang dijalankan oleh delegasi UiTM Cawangan Pulau Pinang di Universitas Tanjungpura (UNTAN) bertujuan mengeratkan hubungan dua hala universiti serta negara masing-masing di samping sama-sama mencapai indeks prestasi demi mengungguli hasrat menjadi universiti-universiti bertaraf dunia. Seramai lima orang pensyarah yang diketuai oleh Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Akademik dan seorang Penolong Pendaftar telah turut serta dalam delegasi ini ke UNTAN.

Program ini telah dijalankan secara hibrid. Seramai 20 orang pensyarah dan 30 orang pelajar sarjana dan guru-guru berdekatan bandar Tanjungpura hadir secara fizikal di UNTAN, manakala tujuh orang pelajar daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik, UiTM mengikutinya secara maya di Bilik 'Research Garden' dengan dipantau oleh seorang pensyarah PPKE, Profesor Madya IT. Ts. Dr. Zainal Hisham Che Soh dan dua orang pensyarah Bahasa Inggeris, Dr Isma Noornisa Ismail dan Dr Anis Shaari.



Program bermula pada pukul lapan pagi waktu Indonesia (iaitu pada pukul sembilan pagi waktu Malaysia) dan selesai pada pukul empat petang waktu Indonesia (iaitu pada pukul lima petang waktu Malaysia). "Elevating your Pitch" dan "Collaborative Writing in Digital Era" merupakan tajuk yang telah dipilih untuk dikongsi bersama-sama para peserta. Mereka telah diberi pengisian serta diajak berespon melalui persembahan, sesi soal jawab dan perkongsian dalam diskusi. Para pensyarah yang terlibat memberi pengisian ini ialah Profesor Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar dan Puan Hanani Ahmad Zubir dari Akademi Pengajian Bahasa, UiTM CPP, Malaysia manakala Dr. Gratus Linuber Sutapa dan Dr. Yanti Sri Rezeki dari Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, UNTAN, Indonesia.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan jaringan di antara dua buah negara yang dilihat mampu menyumbang ke arah kemajuan kemahiran dan penyelidikan. Sebaiknya program seumpama ini diteruskan demi memastikan kita seiring dalam mencapai kejayaan yang boleh dimanfaatkan bersama.

